



UPM Dan LGM Kaji Kesan Sarung Tangan Getah Asli di kalangan Pekerja Kesihatan



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (tiga dari kiri) bertukar dokumen MoU dengan Ketua Pengarah LGM, Dato' Dr. Kamarul Baharin Basir.

PUTRAJAYA, 19 Jan – Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) menjalankan kerjasama penyelidikan kesan sarung tangan getah asli terhadap pekerja kesihatan di seluruh dunia.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata penyelidikan tersebut dijalankan bagi mengetahui tahap alahan terhadap sarung tangan perubatan berkenaan terhadap pekerja.

"Penyelidikan akan dibuat ke atas pencirian sarung tangan termasuk kandungan serpihan protin dan kimia untuk menentukan status kadar alahan getah asli pada mereka yang berisiko tinggi," katanya.

Menyertai perasmian itu Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata hasil penyelidikan tersebut akan mendorong industri sarung tangan menghasilkan produk getah asli bagi tujuan perubatan yang selamat dan bermutu tinggi di dunia.

"Kesedaran terhadap produk perubatan getah asli Malaysia yang selamat dan berkualiti antarabangsa harus diutamakan bagi meyakinkan pengguna terhadap sarung tangan buatan Malaysia," katanya.

Beliau turut berkata Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) turut memberi penekanan berdasarkan enam agensi mengikut komoditi iaitu sektor kayu kayan dan biokomposit, kelapa sawit dan sagu, getah dan jatropha, tembakau dan kenaf serta koko.

Untuk tujuan tersebut, satu perjanjian persefahaman diperbaharui daripada perjanjian persefahaman yang telah tamat pada tahun 2007.

Memorandum itu ditandatangani oleh Dr. Nik Mustapha yang mewakili UPM dan Ketua Pengarah LGM, Dato' Dr. Kamarul Baharin Basir mewakili LGM dengan disaksikan oleh Pengarah Institusi Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), UPM, Prof. Madya Dr. Jalaluddin Harun dan Timbalan Ketua Pengarah LGM, Dr. Mohd Akbar Md Said.

Terdahulu, Majlis Dialog Keempat KPPK dengan UPM yang diwakili INTROP pada majlis yang sama membincangkan pembangunan modal insan untuk menyediakan latihan industri dan amali di agensi KPPK kepada pelajar dan staf UPM selain warga KPPK ditawarkan melanjutkan perjalanan di UPM.

Dialog itu membincangkan perunitkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi sektor perladangan dan komoditi oleh KPPK.

Kerjasama antara UPM dan KPPK bernilai RM1.49 juta itu dijangka dapat memberi latihan dan pendedahan teknologi peralatan yang terlibat dalam reka bentuk dan pembuatan komponen kayu Industrial Building System untuk bimbingan yang terbabit dalam industri perkayuan.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.